

PETANI DAN PERSOALAN AGRARIA

WAN HASHIM



RPUSTAKAAN
AMBAHAN

HD1537
M2H348

SIRI SAINS SOSIAL PALAR BAKTI

SIRI SAINS SOSIAL FAJAR BAKTI

PETANI
DAN PERSOALAN
AGRARIA

Dr. Wan Hashim



PETALING JAYA
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

1984

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
3, Jalan 13/3, Petaling Jaya, Selangor
© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1984
ISBN 967 933 108 3

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

m
HD1537
M2H348

*Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Mun Sun Sdn. Bhd., Shah Alam*

PERPUSTAKAAN
TAMBAHAN

untuk kenangan Mak dan arwah Wan
yang pernah menyemai di tebingan
dan membajak di bendang

Isi

Prakata

vii

BAHAGIAN SATU: UMUM

1. Sosiologi Desa dan Perkembangan Pengajian Masyarakat Tani 3
2. Bidang Pengajian Masyarakat Tani dan Persoalan Definisi 20
3. Sumbangan Alexander Chayanov terhadap Pengajian Tani 34
4. Petani dan Persoalan Agraria 44
5. Revolusi Hijau dan Kehendak Reformasi Tanah 60
6. Teori Ragam Pengeluaran dan Kedudukan Masyarakat Tani 72
7. Pandangan Subjektif-Negatif terhadap Petani 89

BAHAGIAN DUA: KAJIAN KES

8. Struktur Ekonomi Moden dan Perubahan Sistem Nilai Masyarakat Melayu Luar Bandar 107
9. Penilaian Masyarakat Desa terhadap Pendidikan Agama dan Pendidikan Sekular Moden 121
10. Institusi Desa sebagai Alat Persepaduan Masyarakat Desa 134
11. Beberapa Kes Protes Kaum Tani di Semenanjung Malaysia 151
12. Gerakan Kaum Tani di Dunia Ketiga; Kenapa dan dalam Keadaan Mana? 168

Sosiologi Desa dan Perkembangan Pengajian Masyarakat Tani

PENGENALAN

SOSIOLOGI desa dan pengajian masyarakat tani di Malaysia pada akhir-akhir ini sudah mulai mendapat tempat di beberapa buah universiti setempat. Terdapat beberapa institusi, unit atau jabatan, terutamanya, Jabatan Antropologi, dan Sosiologi yang menawarkan kursus-kursus sosiologi desa dan pengajian masyarakat tani sebagai satu bidang yang khusus. Di fakulti dan jabatan lain, pengajian masyarakat tani terangkum dalam kursus-kursus seperti ekonomi desa, ekonomi pertanian, atau di bawah tajuk yang lebih umum seperti sosiologi pembangunan, ekonomi pembangunan, dan sebagainya.

Jika dibandingkan dengan perkembangan pengajian tani di negara-negara lain, perkembangannya di negara kita adalah amat lewat. Ini adalah disebabkan oleh lewatnya perkembangan pusat-pusat pengajian tinggi, khususnya penubuhan universiti-universiti di negara kita. Misalnya, sungguhpun Universiti Malaya universiti yang paling tua di negara kita, Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang menawarkan kursus pengajian tani cuma ditubuhkan pada tahun 1972.

Dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970, Jabatan Antropologi dan Sosiologinya pun dibentuk, dengan memberi keutamaan kepada pengajian tani dalam kursus-kursus seperti antropologi ekonomi, sosiologi desa, pembangunan dan pengajian tani perbandingan. Di Universiti Sains Malaysia, Pusat Ilmu Sains Kemasyarakatannya mena-

warkan kursus pengajian masyarakat desa sebagai salah satu kursus yang diutamakan. Di Universiti Pertanian Malaysia, pengajian tani terangkum di bawah Fakulti Pendidikan.

Bab ini ditulis dengan tujuan untuk memberi gambaran secara umum mengenai kelahiran dan perkembangan sosiologi desa dengan tumpuan khusus kepada pengajian masyarakat tani. Saya mulakan bab ini dengan melihat sumbangan Ibnu Khaldun sebagai bapa ilmu sosiologi yang giat menulis dalam abad ke-14. Selepas itu, saya akan menghuraikan perkembangan pengajian tani dalam abad ke-19 dan ke-20 di Eropah Timur dan Barat, Amerika Syarikat dan Britain serta membincangkan dengan secara ringkas pengajian masyarakat tani di Malaysia.

Dengan ini, saya tidak membincangkan sumbangan penulis-penulis Eropah di antara abad ke-14 dan ke-18. Sebabnya ialah walaupun terdapat tulisan-tulisan yang menyentuh sedikit sebanyak aspek kehidupan petani, penulisan ini bukanlah merupakan satu pengajian yang sistematis mengenai masyarakat tani. Kebanyakan tulisan mengenai kehidupan masyarakat di zaman ini memberatkan aspek kehidupan kelas pemerintah atau golongan aristokrat. Golongan petani dilihat secara negatif sebagai masyarakat pinggir yang tidak memberi apa-apa sumbangan kepada perkembangan pensejarahan.

SUMBANGAN IBNU KHALDUN (1332-1406)

Di antara abad ke-5 dan ke-12, sebelum negara-negara Eropah memberi apa-apa sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan, kebudayaan, tamadun, serta pengetahuan sains dan teknologi, negara-negara Islam di Timur Tengah sudah mulai melangkah masuk ke "zaman kebangkitan". Kelahiran agama suci Islam menerusi Nabi Muhammad s.a.w. telah melahirkan tamadun baru dan memberi penggerak kepada kelahiran dan pembentukan satu sistem kehidupan yang tertinggi jika dibandingkan dengan peradaban lainnya pada masa itu. Di bawah pemerintahan Khalifah-khalifah Islam, bandar-bandar yang menjadi pusat perdagangan dan pertumbuhan aktiviti intelektual dan budaya mulai berkembang dengan pesat.

Bidang-bidang pengetahuan dari berbagai cabang seperti ilmu kedokteran, sains fizikal, sastera, perniagaan, kemasyarakatan, kemanusiaan serta tamadun, mulai tumbuh dengan suburnya. Malah, warisan dari kelahiran inilah yang diambil oleh orang-orang Eropah dan kemudiannya mereka memajukan dan memperkembangkannya.

Di antara mereka yang giat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dalam abad ke-14, Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh yang penting terutamanya dalam ilmu sejarah dan sosiologi. Beliau dianggap seorang negarawan yang jaguh dan disegani, seorang sejarawan yang ulung, serta *bapa* kepada ilmu sosiologi, khususnya dalam bidang sosiologi desa dan bandar (Sorokin dan lain-lain, 1930).

Dari bahagian mukadimah dalam tulisannya mengenai "Pengenalan kepada Ilmu Sejarah", Ibnu Khaldun boleh dianggap sebagai orang yang pertama sekali membuat generalisasi mengenai kehidupan masyarakat desa dan bandar. Ini amat sesuai dengan keadaan pada zaman itu di mana sebahagian daripada golongan nomadik Arab yang sentiasa berpindah-randah telah mula tinggal tetap di pinggir-pinggir bandar ataupun terus melibatkan diri mereka dalam kegiatan perniagaan di bandar yang sedang pesat berkembang. Dengan berlakunya proses transformasi ini, kehidupan di bandar dalam masyarakat kompleks bertukar menjadi satu cara hidup yang dominan. Dari proses perubahan inilah, dan dari kacamatanya yang tajam, Ibnu Khaldun mulai membuat generalisasi mengenai ciri-ciri penting kehidupan di bandar dan di luar bandar.

Di bawah ini, diringkaskan di antara beberapa generalisasi yang dibuat oleh Ibnu Khaldun:

1. Kehidupan di luar bandar cara nomadik (berpindah-randah) mendahului kehidupan di bandar.
2. Masyarakat desa nomadik lebih sihat, berani, boleh dihap, rajin, bebas, serta lebih bermoral dan suci daripada masyarakat bandar.
3. Kehidupan berkeluarga lebih harmonis dan ikatan kekeluargaan lebih kuat di kalangan penduduk luar bandar daripada di bandar.

4. Semangat bekerjasama dan tolong-menolong lebih kuat di kalangan masyarakat desa daripada penduduk di bandar.
5. Aktiviti kemasyarakatan dan kehidupan secara berkaum lebih jelas terdapat di luar bandar daripada di bandar.
6. Kedudukan wanita dan orang tua lebih terjamin dan lebih dihormati di desa daripada di bandar.
7. Mereka yang berhijrah ke bandar kebanyakannya terdiri daripada orang yang mewah kehidupannya semasa di desa.
8. Beberapa keadaan yang tidak begitu sihat disebabkan oleh kesenangan, kemelaratan hidup, keruntuhan moral dan kemewahan dalam kehidupan di bandar membawa keruntuhan kepada masyarakat itu sendiri.

Menurut teori kehidupan masyarakat bandar Ibnu Khaldun, kemajuan sains dan teknologi, sastera, dan kehidupan yang mewah di bandar akhirnya akan membawa kepada keruntuhan masyarakat bandar itu sendiri. Keruntuhan ini, katanya, tidak dapat dielakkan dan ia akan berlaku dalam masa empat generasi. Seterusnya, beliau juga membuat berbagai-bagai generalisasi lain mengenai kehidupan di bandar dan luar bandar, iaitu generalisasi ala sosiologis, dengan memberi penilaian yang tinggi kepada kehidupan masyarakat desa.

Idea-idea yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun mengenai kehidupan di desa dan di bandar adalah mengenai persoalan masyarakat dalam abad ke-14 dan ke-15. Walaupun persoalan sosiologinya cuma relevan dengan kehidupan pada zaman itu, tetapi terdapat teori-teori perubahan sosial atau transformasi yang lahir pada abad ke-19 dan ke-20 hingga ke hari ini yang menekankan masalah transformasi dari masyarakat desa (*tradisional, gemeinschaft, folk, simple*, dan sebagainya) kepada masyarakat bandar (*modern, gesselschaft, urban*, kompleks). Persoalan evolusi yang di utarakan oleh Darwin, Spencer, Tonnies dan kemudiannya Marx, Weber dan Durkheim, semuanya adalah berpusat kepada persoalan transformasi. Bezanya dengan idea Ibnu Khaldun ialah persoalan yang dikemukakan oleh tiga jaguh sosiologi (Marx, Weber, Durkheim) yang mendapat tempat penting dalam perkembangan sosiologi dalam

abad ke-19 dan ke-20 ialah dari segi perubahan masyarakat serta perkembangannya dalam satu ragam pengeluaran (*mode of production*) yang lebih superior dari segi teknologinya, iaitu sistem kapitalisme.

Perkembangan sosiologi dalam abad ke-19 dan ke-20 dipelopori oleh ahli-ahli fikir dari Eropah Barat, Amerika Syarikat, dan juga Eropah Timur. Seperti yang telah dinyatakan, perkembangan ini dipengaruhi oleh alam persekitaran baru yang dihadapi oleh masyarakat "moden" kerana proses industrialisasi yang pesat dan lahirnya kapitalisme sebagai ragam pengeluaran baru yang menggantikan ragam pengeluaran lama seperti primitif-komunal, perhambaan, atau feudal yang dianggap sebagai pra-moden atau pra-kapitalis. Malah konsep modenisasi itu sendiri biasanya disamakan dengan proses industrialisasi, dan bagi masyarakat Barat, perkembangan ragam pengeluaran kapitalis. Oleh itu, kemunculan ahli-ahli sosiologi generasi baru dalam abad ke-19 dan ke-20 adalah dengan tujuan memahami persoalan yang dihadapi oleh masyarakat pada masa tersebut.

Oleh kerana proses perubahan yang sama sedang berlaku di negara-negara Dunia Ketiga pada hari ini, maka teori-teori yang sama boleh dijadikan asas dan bimbingan untuk mengkaji proses transformasi setelah dibuat beberapa penyesuaian dan perubahan berdasar kepada iklim dan persekitaran setempat yang berbeza dari segi budaya, tamadun, dan kompleksiti masyarakatnya. Mana-mana aspek yang tidak sesuai dan asing dengan realiti setempat boleh dikritik atau ditolak.

PERKEMBANGAN PENGAJIAN KAUM TANI PERINGKAT AWALAN

Karl Marx merupakan salah seorang ahli sosiologi abad ke-19 yang pertama sekali menyentuh tentang keadaan hidup petani. Dalam tulisannya mengenai *The Class Struggle in France, 1848-1850* yang diterbitkan pada tahun 1852, Marx menulis mengenai peranan yang dimainkan oleh petani dalam pembe-

rontakan di Perancis. Ketika memberikan gambarannya mengenai petani, beliau menulis:

Petani-petani kecil ini terkumpul menjadi satu masyarakat massa yang besar, ahli-ahlinya hidup dalam keadaan yang sama tetapi tidak mempunyai jaringan hubungan yang meluas di antara satu dengan yang lain. (Marx dalam Shanin, 1971b:230)

Kenyataan di atas merupakan satu catatan awal mengenai masyarakat tani yang pernah dibuat oleh seorang ahli sosiologi.

→ Marx seterusnya memberi gambaran ringkas mengenai kehidupan petani di Perancis dalam pertengahan abad ke-19 dari segi jenis ekonomi saradiri, pengasingan di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain, dan kedudukan mereka sebagai kelas yang diperintah. Walau bagaimanapun, beliau tidak membuat kajian yang khusus dan sistematik mengenai petani kerana bidang kajiannya ialah modal dan ragam pengeluaran kapitalis. Malah menerusi tulisannya, Marx pernah melahirkan prasangkanya, seperti juga lain-lain penulis Eropah dalam Zaman Pertengahan sebelum beliau, terhadap petani yang dianggap sebagai kumpulan manusia yang masih liar, dan tidak bertamadun dalam kehidupan peradaban.

Di antara negara-negara yang pertama sekali membuat kajian mengenai persoalan sosioekonomi masyarakat desa atau petani secara sistematis ialah Rusia, Jerman dan Poland. Ini berlaku kerana negara-negara ini adalah di antara negara-negara yang mula-mula sekali mengalami proses transformasi dan industrialisasi yang mengakibatkan keruntuhan ragam pengeluaran feudal dan kelahiran ragam pengeluaran kapitalis menerusi revolusi perindustrian. Dalam keadaan demikian, petani merupakan golongan masyarakat majoriti dan miskin yang dilanda arus perubahan atau proses modenisasi yang berkembang pesat.

Di Rusia, kajian yang secara sistematis mengenai penduduk desa telah dibuat sejak tahun-tahun 1870-an oleh pentadbiran setempat di sana atau *zemstva* yang ditubuhkan pada tahun 1861 (Kerblay dalam Shanin *ibid.*:150). Kajian ini, yang telah diterbitkan lebih dari 4000 jilid, melahirkan satu golongan ahli ekonomi pertanian yang lebih terkenal dengan panggilan ahli statiska *zemstvo* (*zemstvo statistician*) yang terus-menerus

membuat kajian mengenai masyarakat tani dan ekonomi desa (Shanin, 1972). Kajian-kajian ini dibuat dengan tujuan untuk membantu petani memodenkan cara-cara pertanian mereka.

Di samping itu, data-data statistik dari kajian mereka ini telah digunakan oleh penyelidik, pentadbir, dan golongan radikal, yang mengkritik keadaan ekonomi di Rusia dan dasar kerajaan terhadap penduduk desa pada masa itu. Salah seorang di antara mereka yang terkenal ialah V.I. Lenin yang telah berusaha menerbitkan penulisan mengenai masyarakat tani dengan idea radikalnya yang ala Marxis, terutama sekali dalam buku *The Development of Capitalism in Russia* yang pertama kali diterbitkan dalam bahasa Rusia pada tahun 1899.

Di antara penyelidik dari golongan ini yang paling awal membuat perbandingan di antara sistem-sistem ekonomi petani dan ekonomi kapitalis ialah Kossinsky dan Brutskus. Bagaimanapun seorang sarjana yang pertama sekali membentuk satu teori khusus mengenai ekonomi masyarakat tani ialah Alexander Chayanov. Bukunya yang berjudul *A Theory of Peasant Economy* telah diterbitkan dalam bahasa Rusia pada tahun 1925 dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Daniel Thorner (Chayanov, 1966).

Chayanov mengemukakan pendapatnya bahawa ekonomi masyarakat tani adalah satu jenis ekonomi atau ragam pengeluaran yang tersendiri, *sui generis*. Kalau Marx membahagikan ragam pengeluaran kepada lima jenis; kuno, feudal, asiatic, kapitalis, dan sosialis-komunis, maka Chayanov membahagikannya kepada enam jenis, iaitu perhambaan, feudal, kapitalis, komunis, serf, dan ekonomi keluarga. Ekonomi keluarga boleh dipecahkan kepada dua, iaitu *natural* atau saradiri (*subsistence*) dan ekonomi barangan (*commodity/market-oriented*). Bagi Chayanov, ekonomi petani berbeza daripada ekonomi kapitalis kerana keluarga merupakan sebuah firma, iaitu sebagai unit pengeluaran dan pemakanan. Oleh itu, kajian terhadap ekonomi petani memerlukan satu teori yang tersendiri yang berbeza daripada teori ekonomi kapitalis.

Aktiviti intelektual dan penyelidikan mengenai petani dan sosiologi desa terus-menerus berkembang walaupun selepas

Revolusi Rusia pada tahun 1917. Perdebatan hangat berpusat pada persoalan agraria petani atau cara-cara menyelesaikan masalah petani, proses pelbagaian dalam masyarakat tani di tahap peralihan, proses pengelompokan (*collectivization*) dan penubuhan koperatif luar bandar. Antara buku lain yang merupakan sumbangan awal kepada pengajian masyarakat tani dan ekonomi desa ialah *The New Economics* oleh Preobrazhensky. Ia diterbitkan di Rusia dalam tahun 1924 dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Brian Pearce (1965).

Perkembangan yang sama berlaku di Poland dan Jerman. Di antara penerbitan yang paling awal di Jerman ialah buku *The Agrarian Question* oleh Kautsky, diterbitkan dalam tahun 1899 dan diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis setahun kemudiannya. Penerbitan buku ini merupakan manifestasi perdebatan mengenai persoalan agraria oleh golongan sosialis demokratik Jerman khusus mengenai perkembangan kapitalisme dalam sektor pertanian.

Salah satu penerbitan mengenai sosiologi desa dalam bahasa Inggeris yang awal sekali ialah hasil kajian seorang bangsa Polish, Znaniecki yang ditulis dengan W.I. Thomas berjudul *The Polish Peasant in Europe and America* dan diterbitkan pada tahun 1919. Di Poland, walaupun keadaan politiknya sentiasa berubah oleh kerana penglibatannya dalam peperangan di antara Rusia dan Jerman, kajian-kajian mengenai masyarakat desa banyak diterbitkan. Lebih daripada 710 judul telah diterbitkan di antara tahun 1918 dan 1965 dan lebih daripada 500 daripadanya diterbitkan sejak tahun 1945 (*Shanin dan Worsley dalam Galeski, 1972:xi*). Salah seorang sarjana yang paling terkemuka dari Poland dalam bidang sosiologi desa ialah Boguslaw Galeski. Beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada 70 penerbitan yang bermutu tinggi mengenai aspek-aspek konseptualisasi dan analisa teoritis mengenai penduduk dan ekonomi desa di Poland (*ibid. xiii*). Buku yang berjudul *Basic Concepts in Rural Sociology* yang telah diterjemahkan oleh H.C. Stevens merupakan salah satu daripada sumbangannya yang terpenting (Galeski, 1972).

PERKEMBANGAN DI AMERIKA SYARIKAT DAN EROPAH BARAT

Sosiologi desa diwujudkan sebagai disiplin yang sistematis di Amerika Syarikat pada awal abad ke-20. Sebagai satu mata pelajaran, diwujudkan pertama kalinya di Universiti Chicago pada tahun 1892. Tetapi di peringkat awal perkembangannya, seperti juga di Britain, sosiologi desa di sana menumpukan kajian terhadap bidang pengurusan pertanian cara moden yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan pengajian masyarakat tani.

Sumbangan yang paling awal dari segi penerbitan ialah sebuah buku berjudul *Constructive Rural Sociology* yang ditulis oleh J.M. Gillette, diterbitkan pada tahun 1913. Dalam tahun-tahun 1920-an dan 1930-an, pengajian sosiologi desa di Amerika Syarikat mulai mendapat tempat dan mendapat sokongan dari pihak kerajaan. Salah satu faktor yang menimbulkan minat ini ialah berlakunya penghijrahan beramai-ramai penduduk luar bandar ke bandar. Pada tahun 1935, *American Rural Sociological Society* telah ditubuhkan. Pada tahun yang sama juga, jurnal *Rural Sociology* iaitu sebuah jurnal yang memberikan sumbangan penting dari segi penyelidikan mengenai masyarakat desa mula diterbitkan.

Pada tahun 1931 dan 1932, tiga orang sarjana sosiologi desa, Sorokin, Zimmerman dan Galpin telah menerbitkan 3 jilid buku berjudul *Systematic Source Book in Rural Sociology*. Penerbitan ini merupakan satu sumbangan penting ke arah menggalakkan kajian dan tulisan ilmiah mengenai masyarakat desa.

Minat yang paling khusus terhadap petani telah ditunjukkan juga oleh tiga orang tokoh, iaitu Redfield, Steward, dan Wittfogel (Geertz, 1961). Robert Redfield, seorang ahli antropologi, memulakan kajiannya di kalangan petani Mexico dalam kawasan Tepotzlan (1930). Dari kajian-kajian yang dibuat seterusnya, terutama sekali di Yucatan (1941), beliau telah mengemukakan teori perubahan budaya dan sosial *Folk-Urban Continuum*. Beliau juga telah memperkenalkan konsep-konsep

Tradisi Agung (*Great Tradition*) dan Tradisi Setempat (*Little Tradition*) serta mengemukakan definisi masyarakat tani dengan menemukannya terhadap ciri budaya.

Julian Steward dalam kajiannya mengenai petani telah menekankan aspek hubungan di antara petani dan alam persekitaran fizikal. Beliau melihat interaksi di antara individu dan keluarga dengan alam persekitaran fizikal atau ekologi yang berkaitan pula dengan institusi sosial lainnya. Ini dianggap sebagai fenomena penting dalam kehidupan ekonomi masyarakat tani.

Kedua-dua tokoh ini, Redfield dan Steward, mendekati pengajian ekonomi petani secara substantif, iaitu melihat individu sebagai manusia sosial yang aktiviti asasnya dipengaruhi oleh faktor-faktor ekologi dan institusi sosiobudaya seperti agama, adat resam, politik, tabiat, kepercayaan, *world-view*, dan lain-lain. Pendekatan ini berbeza daripada pendekatan ekonomi konvensional atau *political economy* yang dipelopori oleh Adam Smith, Keynes dan Samuelson. Mereka mendekati ekonomi dengan membuat andaian bahawa individu biasanya beraksi secara rasional untuk memenuhi kehendak sendiri (*self-interest*) dan memaksimumkan kepuasan tanpa meletakkan individu ini dalam konteks institusi sosiobudaya yang mempengaruhi kehidupan dan tingkahlakunya sebagai makhluk sosial.

Wittfogel melihat petani dari segi hubungannya dengan kelas pemerintah dan obligasi politik mereka terhadap tuannya, golongan birokrat, tokoh agama, serta individu-individu yang lebih berkuasa dalam sistem hakmilik tanah. Pendekatan ini kemudiannya telah mengilhamkan Wolf, seorang lagi sarjana dalam pengajian tani, menekankan faktor pengeluaran berlebihan (*surplus*) sebagai suatu fungsi penting petani (Wolf, 1966). Sebagaimana telah dikisahkan oleh Wolf:

Pusat-pusat bandar melihat petani sebagai seekor kambing biri-biri yang dicukur bulunya dari semasa ke semasa dan bulu kambing biri-biri ini dibahagi tiga ... *one for the master, one for the dame* (isteri dan keluarga petani tadi) *and one for the little boy who lives down the lane. ...*, iaitu didasarkan kepada nyanyian kanak-kanak *Ba, Ba, Black Sheep*.

(Mazidah Zakaria, 1974:59-60)

Pada awal perkembangan antropologi dan sosiologi di Eropah Barat, terutama sekali di Britain, kebanyakan sarjana antropologi menumpukan kajian mereka terhadap komuniti tribal atau "primitif" manakala sarjana-sarjana sosiologi pula menumpukan kajian terhadap masyarakat moden di bandar. Faktor ini merupakan ciri utama yang memisahkan dua disiplin ini. Bapa kepada antropologi sosial yang mewujudkan pendekatan struktural-fungsionalisme seperti Malinowski dan Radcliffe-Brown, serta murid-murid mereka, menumpukan kajian terhadap masyarakat tribal di Afrika dan Timur Jauh termasuk New Guinea dan Australia.

Sejak dari tahun-tahun 40-an barulah lahir ahli antropologi sosial yang mula menunjukkan minat terhadap pengajian tani. Dari senarai siri monograf yang diterbitkan oleh *London School of Economics and Political Science*, cuma terdapat beberapa monograf sahaja yang menumpukan kajian terhadap petani. Di antaranya ialah kajian-kajian oleh Raymond Firth, *Malay Fisherman—Their Peasant Economy*; Rosemary Firth, *Housekeeping Among the Malay Peasants*, Michael Swift, *A Malay Peasant Society in Jelebu*, Judith Djamour, *Malay Kinship and Marriage in Singapore* dan Ju Kiang Tien, *The Chinese of Sarawak*. Secara kebetulan, semua kajian ini dibuat di Malaysia dan Singapura. Pengajian terhadap masyarakat tani oleh ahli antropologi dan ahli sosiologi di Eropah Barat agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kajian-kajian oleh sarjana-sarjana Eropah Timur dan Amerika Syarikat.

PERKEMBANGAN LANJUTAN

Terdapat tiga faktor penting yang memesatkan perkembangan pengajian tani sejak tahun-tahun 1950-an hingga ke hari ini. Pertama ialah perubahan minat ahli-ahli antropologi daripada kajian mengenai masyarakat tribal kepada kajian mengenai masyarakat tani. Faktor ini berkait rapat dengan realiti masyarakat tribal hari ini yang semakin kurang bilangannya kerana pengaruh modenisasi, perubahan sosial, dan perkembangan dunia antarabangsa. Dengan munculnya negara-negara baru

dan perkembangan imperialisme Barat ke segenap rantau negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan, kumpulan masyarakat tribal mulai hilang ciri-ciri penting yang memisahkan mereka daripada masyarakat tani. Proses perubahan ini diikuti dengan proses *peasantization* atau "bertukar menjadi masyarakat tani". Ini menambahkan lagi bilangan petani yang terdapat di Dunia Ketiga hari ini.

Sebab kedua perkembangan minat terhadap petani ialah kerana berlakunya beberapa kejadian sejarah yang mengubah secara radikal keadaan politik dalam beberapa negara yang berkenaan. Perubahan radikal ini pada amnya ditentukan menerusi tindakan dari "golongan masyarakat yang terbanyak", iaitu petani. Dalam beberapa revolusi yang pernah meletus dalam abad ini seperti Revolusi Mexico (1910), Revolusi Rusia (1917), Revolusi China (1949), Revolusi Cuba (1959), serta Revolusi-revolusi Korea Utara, Vietnam Utara dan Algeria, petani merupakan suatu "kuasa" yang penting dari segi penglibatan mereka dalam menempa sejarah baru untuk membawa perubahan struktur terhadap negara-negara ini (lihat Wolf, 1969).

Kekalahan Amerika Syarikat, satu-satunya kuasa yang terbesar di dunia di tangan pejuang-pejuang di Vietnam Selatan (yang majoritinya adalah terdiri daripada petani) merupakan suatu peristiwa yang memeranjatkan dunia. Peristiwa ini menimbulkan beberapa soalan mengenai potensi "golongan masyarakat yang terbanyak" di Dunia Ketiga hari ini. Ia merupakan pembentuk perkembangan sejarah dan arus politik bagi sesebuah negara.

Faktor ketiga berkait rapat dengan faktor kedua di atas. Di kalangan pemimpin-pemimpin politik negara Dunia Ketiga hari ini, suatu persoalan utama yang perlu diselesaikan segera ialah bagaimana hendak membawa pembangunan atau memodenkan masyarakat tani. Penyelesaian kepada persoalan ini memerlukan kajian dan penyelidikan yang teliti untuk mencapai matlamat yang dirangka oleh kerajaan dan juga untuk menentukan keberkesanan sesuatu program pembangunan masyarakat tani. Persoalan inilah yang mengilhamkan seorang pakar dalam pengajian tani dari Barat menulis:

Hari demi hari, kaum tani membuatkan pakar ekonomi mengeluh, pemimpin politik berpeluh, dan pakar strategi bermakian, menggagalkan segala perancangan dan jangkaan mereka di seluruh dunia—Moscow dan Washington, Peking dan Delhi, Cuba dan Algeria, Congo dan Vietnam.

(Shanin, 1971b:238)

Pada hari ini, perkembangan pengajian tani sudah menghadapi satu zaman kemajuan baik di dunia Barat mahupun di negara-negara Dunia Ketiga. Berbagai-bagai teori baru mulai dibentuk mengkritik teori-teori lama yang amat terbatas dari segi penyesuaian dengan keadaan sebenar. Penerbitan berbentuk monograf hasil dari kajian ahli antropologi dan ahli sosiologi desa serta artikel-artikel secara umum mengenai petani sudah mula memenuhi rak-rak buku di perpustakaan dan ruangan-ruangan dalam jurnal yang kian hari kian meningkat bilangannya. Perkembangan ini sudah menular ke universiti-universiti di Dunia Ketiga. Badan-badan dunia juga menunjukkan minat terhadap masalah petani atau “persoalan agraria” terutama sekali di Dunia Ketiga. Kerajaan bagi negara-negara Dunia Ketiga pula telah menubuhkan pusat penyelidikan dan badan-badan perancangan untuk meneliti masalah yang dihadapi oleh petani. Ia juga bertujuan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan kurangnya pembangunan yang kebetulan merupakan satu faktor umum dalam kebanyakan negara pertanian Dunia Ketiga. Pendek kata, keluh-kesah dan “jeritan” petani bukan sahaja perlu didengar tetapi mesti diberikan tindakan yang segera sebelum terlambat.

PERKEMBANGAN DI MALAYSIA*

Perkembangan pengajian tani di Malaysia masih lagi di peringkat awalan. Namun begitu ia mempunyai masa depan yang cerah. Kesimpulan ini dibuat memandangkan tertubuhnya jabatan dan unit tertentu terutama sekali Jabatan Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan, Universiti Sains dan Universiti Pertanian Malaysia dalam tahun-tahun 1970-an.

*Perbincangan ini dihadkan kepada kajian-kajian yang sudah diterbitkan sahaja.

Kesemua universiti ini menjadikan petani dan sosiologi desa sebagai salah satu mata pelajaran yang penting.

Di antara mereka yang boleh dianggap sebagai pelopor dalam pengajian tani di Malaysia ialah Raymond Firth (1946), Rosemary Firth (1947), M.G. Swift (1965) dan Syed Husin Ali (1964). Raymond Firth mengkaji secara terperinci ekonomi komuniti nelayan di Pantai Timur, manakala isterinya Rosemary Firth mengkaji aspek pengurusan rumahtangga di kalangan isteri nelayan di kawasan yang sama. Michael Swift mengkaji masyarakat Minangkabau di Jelebu, Negeri Sembilan, menumpukan khusus terhadap sistem ekonomi, sosial serta adat perpatih. Dalam beberapa artikel lain yang diterbitkan, beliau ada membuat generalisasi penting mengenai perubahan ekonomi masyarakat desa, aspek-aspek kredit dan pengumpulan harta di kalangan komuniti Melayu.

Syed Husin Ali merupakan sarjana peribumi yang pertama membuat kajian petani setempat secara sistematis. Beliau mengkaji sistem susunlapis sosial dan perbezaannya dari segi harta dan kelas. Beberapa artikel mengenai masyarakat tani yang ditulis olehnya banyak menyentuh aspek kepimpinan, struktur politik dan budaya, kemiskinan dan pengumpulan milik tanah, serta isu-isu yang menyentuh aspek pembangunan dan masalah sosial (1976).

Selain daripada mereka yang disebutkan di atas, Peter Wilson (1967) dan Richard Downs (1967) juga telah mengkaji masyarakat Melayu luar bandar dan menyentuh aspek perubahan sosial dan pembangunan dalam ertikata yang luas; sementara Ju-K'ang T'ien (1953) telah membantu kajian mengenai masyarakat Cina di Sarawak.

Dalam tahun-tahun 70-an, bertambah banyak buku mengenai petani diterbitkan. Manning Nash (1974) mengkaji perubahan sosial yang meliputi bidang-bidang ekonomi, politik, dan agama di kalangan masyarakat Melayu di Pasir Mas, Kelantan; Syed Husin Ali (1975) mengkaji aspek kepimpinan di kalangan masyarakat tani Melayu; Lim Teck Ghee (1977) menggunakan pendekatan sejarah untuk mengkaji ekonomi petani dalam zaman penjajahan Inggeris; Marvin Rogers (1977)

mengkaji aspek sosial dan politik di kalangan masyarakat Melayu desa di Sungai Raya di negeri Johor; Afifuddin bin Haji Omar (1978) telah mengkaji tentang peranan kerajaan yang membawa pembangunan kepada masyarakat tani dan kesan pembangunan ini ke atasnya di kawasan Muda di Kedah. Wan Hashim (1978) pula telah mengkaji tentang transformasi masyarakat kampung akibat daripada meningkatnya persepaduan struktur di antara kampung yang dikaji dengan kawasan luaran; sementara Masuo Kuchiba, Yoshihiro Tsubouchi, dan Narifumi Maeda (1979) membuat kajian perbandingan mengenai penanaman padi di antara tiga perkampungan Melayu di Kedah, Kelantan, dan Melaka.

Pada awal tahun 80-an, bertambah banyak lagi buku mengenai bidang yang sama diterbitkan. Wan Hashim (1980) telah mengkaji aspek-aspek ekonomi dan sosial komuniti nelayan di Pulau Pangkor; Kenzo Horii (1981) telah mengkaji ekonomi penanaman padi dan aspek pemilikan tanah di kalangan beberapa komuniti di Semenanjung Malaysia; sementara Judith Strauch (1981) telah mengkaji aspek politik di kalangan masyarakat Cina dalam sebuah kampung baru di Perak.

Selain itu terdapat beberapa penerbitan lain yang ada menyentuh aspek tertentu kehidupan petani walaupun tumpuan kajiannya bukan khusus meliputi masyarakat tani. Di antaranya ialah tulisan-tulisan John Gullick (1958), Clive Kessler (1978), dan buku suntingan Zainal Kling (1977) dan H.M. Dahlan (1976).

Tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian yang dibuat di paras mikro-perkampungan jauh melebihi bilangan buku dan monograf yang telah diterbitkan. Kajian-kajian ini diusahakan sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Kepujian, Ijazah Sarjana Sastera atau Ijazah Kedoktoran Falsafah, baik di luar negeri mahupun di universiti-universiti setempat. Ada di antara tesis ini sedang diusahakan untuk diterbitkan.

Walaupun bilangan monograf mengenai petani yang telah diterbitkan masih jauh dari mencukupi, sarjana-sarjana setempat hari ini seharusnya turut memikirkan persoalan-persoal-

an mengenai teori dan konsep. Di samping itu, penglibatan dari pihak kerajaan dalam membuat kajian untuk memungut data-data kasar mengenai penduduk desa hendaklah ditingkatkan. Kajian-kajian ini harus ditumpukan kepada isu-isu kemiskinan, pesat tidaknya pembangunan, perubahan sosial, serta aspek-aspek yang berkaitan dengan politik, agama, budaya, kekerabatan dan keluarga.

A. Rujukan Umum

- Anderson, R., "Studies in Peasant Life", dalam *Biennial Review of Anthropology*, Stanford University Press, 1965.
- Chayanov, A., *A Theory of Peasant Economy*, (terbitan asal 1925) terjemahan D. Thorner, Homewood, Illinois, 1966.
- Galeski, B., *Basic Concepts in Rural Sociology*, Manchester University Press, 1972.
- Geertz, C., "Studies in Peasant Life", dalam *Biennial Review of Anthropology*, Stanford University Press, 1961.
- Ibnu Khaldun, *The Muqaddimah, An Introduction to History*, terjemahan F. Rosenthal, Routledge & Kegan Paul, 1967.
- Kerblay, B., *Chayanov and the Theory of Peasantry as a Specific Type of Economy*, dalam T. Shanin, 1971.
- Lenin, V.I., *The Development of Capitalism in Russia*, Foreign Language Publishing House, Moscow, 1956.
- Marx, K., *Peasantry as a Class*, dalam T. Shanin, 1971, 1950-52.
- Mazidah Zakaria, "Definisi Masyarakat Tani—Satu Tinjauan", dalam *Manusia dan Masyarakat*, No. 3, 1974.
- Redfield, R., *Tepoztlán, A Mexican Village*, University of Chicago Press, 1930.
- *The Folk Culture of Yucatan*, University of Chicago Press, 1941.
- Shanin, T., *Peasants and Peasant Society*, Penguin Education Paperbacks, 1971.
- *The Awkward Class*, Oxford University Press, 1972.

- Sorokin, P., Zimmerman, C. dan Galpin, C. (ed.), *Source Book in Rural Sociology*, Russel & Russel, New York, 1930.
- Wolf, E., *Peasants*, Prentice Hall Inc., 1966.
- *Peasant Wars of the Twentieth Century*, Faber & Faber, London, 1966.

B. Terbitan Mengenai Malaysia

- Affifuddin Haji Omar, *Peasants, Institutions, and Development in Malaysia*, Mada monograph No. 36, 1978.
- Dahlan, H.M. (ed.), *The Nascent Malaysian Society*, Monograf Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.K.M., 1976.
- Downs, R., "A Kelantanese Village of Malaya", dalam J. Steward, *Contemporary Change in Traditional Societies*, Vol. III, University of Illinois Press, 1967.
- Firth, R., *Malay Fishermen; Their Peasant Economy*, Routledge & Kegan Paul, 1946/66.
- *Housekeeping Among the Malay Peasants*, The Athlone Press, 1947.
- Gullick, J., *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, The Athlone Press, London, 1958.
- Ju-K'ang T'ien, *The Chinese of Sarawak. A Study of Social Structure*, The Athlone Press, London, 1953.